

## PANEL PENASIHAT AKADEMIK

### FUNGSI PENASIHAT AKADEMIK

1. Memberikan bimbingan kepada pelajar dalam mengatasi masalah pembelajaran, jika ada berdasarkan kemajuan pengajian pelajar dan/atau
2. Membantu pelajar dalam pemilihan kursus dan bilangan kredit yang pelajar akan ambil sebelum semester bermula.

### TANGGUNGJAWAB PENASIHAT AKADEMIK

1. Mengenalpasti pelajar-pelajar yang bermasalah termasuk pelajar di bawah pemerhatian dan pelajar bermasalah yang menjejaskan pelajaran/akademik.
2. Membimbing pelajar dalam perancangan program pengajian.

### CONTOH-CONTOH KES YANG DIKENDALIKAN OLEH PANEL PENASIHAT AKADEMIK

1. Pelajar yang di bawah pemerhatian (pelajar yang memperolehi PNG di bawah 2.00 dalam sesuatu semester).
2. Pelajar yang gagal beberapa kursus sehingga menjejaskan gred PNG.
3. Pelajar yang gagal menyiapkan kursus-kursus tertentu seperti projek ilmiah, latihan professional dan latihan mengajar.
4. Pelajar yang merayu masuk semula ke program pengajian selepas diberi keputusan peperiksaan gagal keluar.
5. Pelajar yang merayu untuk bertukar program pengajian.
6. Pelajar yang merayu untuk melanjutkan tamat tempoh pengajian.
7. Pelajar yang kerap tidak hadir ke kelas.
8. Pelajar yang terlalu sibuk dengan aktiviti-aktiviti di kolej dll.
9. Pelajar yang mempunyai masalah kewangan.
10. Pelajar yang sedang bekerja sambil sehingga mengganggu tumpuan pada pelajaran.
11. Pelajar yang mengalami masalah emosi sehingga menjejaskan tumpuan pada pelajaran.
12. Pelajar yang tiada motivasi dan tidak berminat untuk meneruskan pengajian.
13. Lain-lain hal yang memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar.